

13/04/1998

Pemuda MCA minta lanjut tempoh

MUAR, Ahad - Pergerakan Pemuda MCA meminta kerajaan memanjangkan tempoh larangan perubahan ekuiti projek penswastaan kerajaan bagi memastikan pihak terbabit melaksanakan tanggungjawab mereka secara jujur dan lebih berkesan.

Ketua Pemuda MCA, Datuk Chan Kong Choy, berkata pihaknya menyokong larangan tiga tahun yang diumumkan baru-baru ini, tetapi menyifatkan tempoh itu tidak mencukupi berbanding konsesi yang diberikan mencapai lebih 20 tahun.

Beliau juga Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos berkata, syarat ketat perubahan ekuiti itu perlu kerana pengalaman menunjukkan ada penerima projek pengswastaan kerajaan membuat keuntungan berjuta-juta ringgit secara mudah dengan menjual projek itu kepada pihak lain sebelum perkhidmatan dilancarkan.

"Sejak Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, memimpin teraju negara, Pemuda MCA sentiasa menyokong program penswastaan yang dianjurkan kerajaan kerana ia dapat membantu menyelesaikan banyak masalah.

"Namun berdasarkan pengalaman, kita dapati program ini memerlukan makenisme pengawasan yang rapi bagi memastikan hanya pihak yang mengutamakan kepentingan pengguna selain membuat keuntungan diberi tanggungjawab terbabit," katanya. selepas merasmikan Konvensyen Tahunan Pergerakan Pemuda MCA Negeri Johor ke 32 di Dewan Jubli Intan Muar, di sini hari ini.

Berucap di majlis itu, Chan berkata, contoh masalah yang timbul akibat pengswastaan tanpa pengawasan yang rapi ialah projek pembedungan negara oleh Indah Water Konsortium (IWK).

Katanya, pengurusan IWK yang setakat ini sudah tiga kali bertukar tangan, perlu mengkaji punca sebenar kira-kira 70 peratus pengguna enggan membayar caj perkhidmatannya sebelum membuat pelbagai anggapan terhadap pengguna.

"Syarikat terbabit perlu memahami masalah yang dihadapi pengguna berhubung perkhidmatan yang disediakan selama ini. Keengganan 70 peratus pengguna membayar caj menunjukkan ada sesuatu yang tidak kena," katanya.

(END)